

NEGERI MELAKA
DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH JASIN
KES MAL BILANGAN : 04003-014-206-2010

ANTARA

XXXXXX

PLAINTIF

DAN

XXXXXX

DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

Abstrak

Kes di bawah Seksyen 53, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 – Tuntutan pembubarah perkahwinan secara fasakh, Plaitif mendakwa defendan telah meninggalkan Plaintiff ke tempat yang tidak diketahui melebihi satau tahun dan gagal memberikan nafkah zahir dan batin terhadap plaintiff.

Fakta Kes

Plaintif dan Defendan telah dinikahkan pada 5 Mac 1984 di KM 20 Kampung Bemban 77200 Bemban, Melaka, dengan berwalikan wali bapa saudara Plaintiff XXXXXX , XXXXXX no sijil nikah 10144(Bil. Daftar 94/84, Dalam perkahwinan ini , Plaintiff dan Defendan telah dikurniakan 1 orang cahaya mata iaitu:

- 1) XXXXXX

Plaintif telah memfailkan kes sendirian pada tarikh 15.7.2010 dan sterusnya melantik peguam Norlizah binti Md Yusoff dari Tetuan Liza Manita & Associates .Manakala defendan diadalam kes ini tidak pernah walaupun saman luarbidangkuasa secara tampalan dibuat ke atas alamat defendan di No 21 Jalan Enggang Timur,Taman keramat ,54200 Selangor Darul Ehsan.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Alasan Penghakiman Ringkas

Secara ringkasnya mahkamah ingin menarik perhatian beberapa isu yang harus diteliti mahkamah sebelum mahkamah boleh mengeluarkan keputusan dan perintah ini antaranya :-

1. Apakah mahkamah berbidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan kes ini

Bidangkuasa.

Setelah meneliti penyata tuntutan dan keterangan lisan pihak plaintif, Mahkamah berpuashati bahawa ia mempunyai bidang kuasa untuk mendengar, membicara dan memutuskan kes ini berdasarkan peruntukan Seksyen 4 dan 45 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 dan juga seksyen 50 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka tahun 2002.

Seksyen 4 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 *memperuntukan:-*

“Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya, Enakmen ini terpakai bagi semua orang Islam yang tinggal dalam Negeri Melaka dan bagi semua Orang Islam yang bermastautin dalam Negeri Melaka tetapi tinggal di luar Negeri itu.”

Seksyen 45 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 *memperuntukan:-*

Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dengan nyata tiada apa-apa jua dalam Enakmen ini membolehkan mahkamah membuat sesuatu perintah perceraian atau perintah mengenai perceraian atau membenarkan seseorang suami melafazkan talaq kecuali :-

- a)- jika perkahwinan itu telah didaftarkan atau disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Enakmen ini;
- b)- jika perkahwinan itu telah dilangsungkan mengikut hukum syarak; dan
- c)- jika pemastautinan salah satu pihak kepada perkahwinan pada masa permohonan itu diserahkan adalah dalam Negeri Melaka.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Plaintif dalam kes ini telah berkahwin dengan defendan pada 5hb Mac 1984 di KM 20 Jalan Bemban, 77200 Bemban, Melaka. berwalikan bapa kandung Plaintiff XXXXXX . Ini adalah berdasarkan kepada Cabutan Surat Perakuan Nikah pihak-pihak.

Mengenai pemastautinan, telah memenuhi syarat yang diberikan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002. Berdasarkan Penyata Tuntutan Plaintiff, mahkamah berpuashati Plaintiff telah tinggal di alamat **Bt 12 ,Jalan Bemban, 77200, Bemban Melaka** melalui Lampiran Mykad Plaintiff . selain ianya tidak dibantah oleh Defendan pada mana-mana peringkat prosiding. Manakala Defenden pula beralamat di **No 21, Jalan Enggang Timor ,54200 Taman Keramat, Sleangor** . jelas bahawa permohonan ini memenuhi kehendak Seksyen 45 (1) (C) EUUKINM 2002 yang hanya memerlukan pemastautinan satu pihak sahaja adalah di Negeri Melaka. Seksyen 2 EUUKINM 2002 memperuntukkan “**bermastautin**” ertinya *tinggal tetap atau pada kelazimannya dalam sesuatu kawasan yang tertentu*.

Di dalam kes **XXXXXX lwn XXXXXX (1994) 9 bhg 1J.H 16** Mahkamah Rayuan Syariah Selangor telah menyatakan bahawa perkataan mastautin seperti yang terdapat dalam Seksyen 2 enakmen tersebut hanya mensyaratkan seseorang itu tinggal tetap dalam suatu kawasan atau pada lazimnya tinggal di sesuatu kawasan, tidak disyaratkan hendaklah menjadi rakyat negeri di dalam kawasan ia berada.

2. ***Apakah dakwaan Plaintiff defendan telah meninggalkannya melebihi satu tahun lamanya ke tempat yang tidak diketahui.***

Plaintif mendakwa didalam tuntutan nya bahawa defendan telah meninggalkannya hamper 21 tahun lalu dan tiada khabar berita tentang defendan samada masih hidup atau mati dan juga tiada defendan cuba menghubungi atau mencari defendan .

Menurut dakwaan plaintif defendan asal orang Tiang Dua Melaka walaubagaimanapun menetap di Taman Keramat Kuala Lumpur dari awal pernikahannya.dan sepanjang ditinggalkan oleh defendan nafkah zahir dan batin juga tidak pernah diterima sejak dari itu.

Akibat dari kecuiaan defendan kerana meninggalkan plaintif begitu sahaja dan gagal menunaikan nafkah kepada plaintif serta nafkah anak lazim menyebabkan plaintif hidup dalam kesusahan dan seterusnya memfailkan tuntutan fasakh ini.

Mahkamah berpuashati dengan plaintif dan keterangan saksi-saksi yang dikemukakan Yang telah memberikan keterangan yang konsisten , dimana dua orang saksi adalah sepupu Plaintif sendiri iaitu SP1 XXXXXX , SP2 XXXXXX juga sepupu kepada Plaintif . Manakala Defendan tidak pernah hadir sepanjang sesi sebutan dan juga perbicaraan sehingga kes ini ditutup .

Mahkamah juga merujuk kepada **Seksyen 53 Enakmen undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002** ada menyebut seperti di bawah:-

53.(1) Seseorang perempuan atau lelaki, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak untuk mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas satu atau lebih daripada alasan-alasan yang berikut, iaitu-

- a- bahawa tempat di mana beradanya suami atau isteri telah tidak diketahui selama tempoh lebih daripada satu tahun;
- b- bahawa suami telah cuai dan telah tidak mengadakan peruntukkan bagi nafkahnya selama tempoh tiga (3) bulan;
- c- d) bahawa suami atau isteri telah tidak menunaikan, tanpa sebab yang munasabah, kewajipan perkahwinannya (nafkah batin) selama tempoh satu tahun;

Mahkamah sangat berdukacita dengan apa yang berlaku ke atas P apabila menurutnya, sejak 21 tahun yang lalu defendan telah meninggalkan dirinya iaitu pada tahun 1989 sehingga sekarang.

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH

Dan dalam tempoh tersebut defendan gagal dikesan dan juga tidak memberikan nafkah zahir dan juga batin .

Bagi mengupas persoalan ini mahkamah berpendapat ianya adalah jelas dan terang tujuan utama seseorang itu untuk layak mendapatkan fasakh adalah kerana untuk mengelakkan kemudharatan yang berlaku atas dirinya alasan untuk membubarkan pekahwinan secara fasakh. Ini sesuai dengan qaedah fiqhiyyah :

الضرر يزال

Ertinya : " kemudharatan hendaklah dihilangkan "

Qaedah ini bersumberkan dari Hadis Nabi s.a.w. iaitu:

لا ضرر ولا ضرار

Perkataan ضرر dalam hadis tersebut bermaksud melakukan kerosakana terhadap orang lain. Sedangkan perkataan ضرار pula memberi maksud bertindak balas melakukan kemudharatan yang sama dengan kemudharatan terhadapnya.

Dari qaedah fiqhiyyah itu terbit pula beberapa qaedah yang ditetapkan oleh fuqaha iaitu seperti berikut:-

- i) الضرر الاشد يزال بالضرر الاخف
- ii) ارتكاب أخف الضررين
- iii) اذا تعارض مفسدتان روعى أعظمها ضررا بارتكاب أخفهما
- iv) يختار أهون الشرين

Keempat-empat kaedah ini membawa maksud yang sama iaitu apabila bertembung dua kemudharatan maka hendaklah diberi perhatian kepada mudarat yang lebih besar antara keduanya dengan memilih kemudharatan yang paling ringan. Berdasarkan qedah-qaedah ini maka setiap tindakan seseorang suami yang memudaratkan isteri adalah tidak dibenarkan oleh Syara' dan ia hendaklah dihilangkan dengan membubarkan perkahwinanan itu walaupun ia memudaratkan pihak suami kerana kemudharatan yang

terbit dari fasakh itu lebih ringan berbanding dengan jika isteri terus kekal dalam perkahwinan yang memudaratkan dirinya.

Mahkamah mengucapkan terima kasih kepada plaintif dan peguamnya kerana telah membantu mahkamah dalam membuat keputusan berdasarkan hujahan yang disediakan oleh Peguam plaintif

Adakah defendan gagal menunaikan tanggungjawab zahir dan batin bersesuaian dibawah peuntukan seksyen 53(1)(b)(d)

Dalam kes ini Plaintif telah berada di dalam keadaan menderita akibat kelakuan D dan kegagalan D menyediakan nafkah zahir sejak tahun 1989 dan ianya adalah penderaan mental ke atas P, sedangkan Allah SWT mengarahkan para suami agar tidak menganiayai isteri-isteri mereka sebagaimana di dalam Surah An-Nisa Ayat 19 Allah berfirman bermaksud:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَرِثُوا النِّسَاءَ كَرِهًا وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ
لِتَذْهَبُوا بِبَعْضِ مَا آتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَاحِشَةٍ مُبَيَّنَةٍ وَعَاشِرُوهُنَّ
بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا
كَثِيرًا

“ Dan janganlah kamu menyakiti perempuan-perempuan (dengan memukul dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendaklah mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata.”

Allah SWT juga telah berfirman berkenaan larangan terhadap suami yang terus menganiayai dan memudaratkan isteri dengan firmanNya di dalam Surah al-Baqarah ayat 231 yang bermaksud :

وَإِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَبَلَّغْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرِّحُوهُنَّ
بِمَعْرُوفٍ وَلَا تُمْسِكُوهُنَّ ضِرَارًا لَتَعْتَدُوا وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ وَلَا
تَتَّخِذُوا آيَاتِ اللَّهِ هُزُوعًا وَادْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَمَا أَنْزَلَ عَلَيْكُمْ مِنَ
الْكِتَابِ وَالْحِكْمَةِ يَعِظُكُمْ بِهِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

“ Dan janganlah kamu pegang (simpan) mereka (Isteri-isteri) dengan maksud untuk memberi kemudharatan kerana keinginan kamu hendak melakukan kezaliman, dan sesiapa yang melakukan demnikian maka sesungguhnya dia menganiyai dirinya sendiri”

Fasakh menurut Sayyid Sabiq di dalam kitabnya Fiqh As-Sunnah Juz. 7 yang menyatakan bahawa fasakh adalah membatalkan akad nikah dengan melepaskan ikatan perkahwinan antara suami isteri. Fasakh disyariatkan adalah untuk menolak kemudharatan yang berterusan daripada menimpa diri salah satu pihak dalam perkahwinan dan syiqaq telah berlaku secara berterusan dan ianya menyimpang daripada tujuan asal perkahwinan. Salah satu pihak hidup dalam ikatan yang tidak lagi diredhainya dan satu pihak terus menjadikan pernikahan satu alasan untuk bertindak zalim. Di dalam kes ini, plaintif telah cukup menderita dari segi zahir dan batin akibat kelakuan D tersebut.

Mahkamah juga merujuk kepada pandangan Prof. Madya Dr. Mat Saad Abd Rahman di dalam bukunya yang antara lain menyatakan bahawa Kemungkinan jika dilihat sepintas lalu, keharusan fasakh boleh mengecewakan hati salah seorang di antara pasangan suami isteri kerana perkahwinan yang dibina boleh dihancurkan dengan fasakh. Akan tetapi jika ditinjau dengan lebih mendalam kita akan dapati keharusannya bukanlah secara mutlak dan terbuka. Ia diikat dengan pelbagai sebab yang mengharuskannya. Sebab-sebab itu pula dengan kewujudannya, boleh menyebabkan kehidupan pasangan suami isteri menjadi terseksa atau teraniaya.¹

Mahkamah bersetuju dengan hujahan Peguam plaitif dimana keadaan hidup plaintif setelah defendan tinggalkan plaintif semua urusan terpaksa ditanggung sendiri oleh Plaintif berseorangan satu tempoh yang lama iaitu 21 tahun .

Firman Allah Taala didalam surah Ar-Rom ayat 21

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً
وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

¹ Undang-undang Keluarga Islam : Aturan Perkahwinan, Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa. MS 187.

21. dan di antara tanda-tanda Yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, Bahawa ia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya Yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang Yang berfikir.

Adalah diujahkan bahawa berlaku perkahwinan maka menjadi tanggungjawab sebagai seorang suami untuk menyediakan nafkah belanja, makan minum, tempat kediaman, pakaian dan keperluan asas kepada keluarga dan isterinya. Namun menurut hukum syarak selain daripada hak tersebut yang wajib disediakan suami, suami juga diwajibkan bergaul baik dengan isterinya. Seorang lelaki adalah pemimpin menurut pandangan Islam. Tiap pemimpin mestilah melayani orang yang di bawah jagaannya dengan baik, tanpa kekasaran dan kekerasan, tanpa mengagap dirinya sebagai tuan kepada hamba sahaya.² Menurut al-Ghazali, melayan isteri dengan penuh kasih sayang serta dengan akhlak yang baik itu meliputi sikap bersimpati dengan kesulitan yang dihadapinya, bersabar dengan kedegilan dan keberangannya, selalu bergurau dengannya serta menyesuaikan tahap pemikirannya dengan cara isterinya berfikir.³ Ini adalah selaras dengan firman Allah yang bermaksud “Dan bergaullah dengan mereka menerusi cara yang baik.”⁴

Penceraian terhadap sesuatu perkahwinan adalah sesuatu yang dibenci oleh Allah SWT tetapi dihalalkan dengan tujuan untuk menolak perkara yang lebih mudharat seperti kelakuan dan sikap suami yang mengakibatkan kemudharatan kepada isteri dan keluarga. Manakala tidak dinafikan bahawa manfaat kepada perkahwinan itu adalah banyak namun sekiranya perkahwinan tersebut mendatangkan kemudharatan seperti penderitaan di pihak isteri dan tidak lagi ada kasih sayang sesama suami isteri maka jalan penceraian adalah lebih baik.

Dengan kenyataan tersebut, M berpendapat bahawa jika permohonan fasakh Plaintiff ini ditolak maka Plaintiff dan Defendan tentunya tidak akan merasai hikmah kebahagiaan dalam rumahtangga lagi dan seterusnya Plaintiff akan terus menderita dan teraniaya kerana P akan terus berada secara keseorangan membezarkan anak-anak tanpa adanya dalam rumahtangga itu dalam tempoh yang sangat panjang, kaedah fiqh yang masyhur ada menyatakan “Apabila terjadi pertentangan antara

² Prof. Madya Dr. Mat Saad, Undang-undang Keluarga Islam- Aturan perkahwinan, ms 74

³ Ibid, Ms 74 & 75.

⁴ Surah an-Nisa' 4:19.

dua kerosakan, maka yang lebih besar bahayanya diperhitungkan dengan melakukan yang lebih ringan.⁵”

M berpendapat bahawa dalam keadaan tersebut, mahkamah mestilah memutuskan agar kemudharatan besar dihapuskan walaupun dengannya telah mengakibatkan suatu kemudharatan yang kecil diwujudkan.

Pada Pendapat Mahkamah, Mahkamah hanya menghukum berdasarkan apa yang dizahirkan sahaja sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang berbunyi:-

امرت أن أحكم بالظواهر والله يتولى بالسرائر

“sesungguhnya aku disuruh menghukum yang zahir dan hanya ALLAH mengetahui apa tersirat.”

3. KEPUTUSAN

1. Mahkamah bersetuju dengan hujah Plaintiff bahawa Mahkamah berbidang kuasa mendengar dan memutuskan kes ini tanpa kehadiran Defendan kerana Penyampaian Saman telah sempurna dan Defendan tanpa alasan yang munasabah tidak menghadiri perbicaraan pada tarikh yang ditetapkan. Oleh itu Mahkamah bertindak sesuai dengan seksyen 121(1)(b) Enakmen Tatacara Mal 2003
“(b) defendan tidak hadir, Mahkamah boleh, tertakluk kepada bukti penyampaian wajar, mendengar dan memutuskan tindakan itu tanpa kehadirannya”
2. Mahkamah juga berpuashati dengan alasan-alasan permohonan Fasakh Plaintiff sebagaimana di ulas diatas.
3. Walaubagaimana pun bagi mengelakkan tohmah akibat pihak Defendan tidak hadir ketika saat pembelaan yang wajar maka dengan ini Mahkamah memerintahkan pihak plaintiff bersumpah (Yamin Istisyhar) selaras dengan peruntukkan seksyen 121(2) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Melaka. 2002.

⁵ Imam Jalaluddin As-Sayuthi, Kaedah Hukum Islam Mazhab Syafii (terj), Ms. 190.

(stop dahulu – sesi angkat sumpah - Dengar plaintif baca sumpah – biar peguam draf, semak draf. Kandungan sumpah “mengakui segala keterangan yg telah diberikan benar” dan catatkan)

Setelah meneliti segala dokumen dan mendengar keterangan plaintif dan saksi-saksinya serta setelah membaca dan menimbangkan penghujahan yang telah disediakan oleh Yang Bijaksana Peguam plaintif dalam kes ini dan juga setelah Plaintif sanggup bersumpah Istizhar. Maka Mahkamah putuskan dan perintahkan seperti berikut .

Keputusan

Diputuskan bahawa mahkamah ini memerintahkan seperti berikut:

- 1) Mahkamah sabitkan Defendan telah menghilangkan diri gagal memperuntukkan nafkah kepada Plaintif selama tempoh 21 tahun .
- 2) Mahkamah dengan ini meluluskan permohonan Plaintif untuk membubarkan dan memfasakhkan pernikahannya dengan Defendan di bawah Seksyen 53 (1(a))(b)(d), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002.
- 3) Mulai hari ini, 11hb Januari 2011, jam lebih kurang 10.13 pagi, Mahkamah dengan ini memerintahkan pernikahan Plaintif **XXXXXX** dengan Defendan **XXXXXX** dibubarkan dan difasakhkan.
- 4) Plaintif diperintah bereddah selama 3kali suci
Mahkamah memerintahkan perceraian ini didaftarkan di Pejabat Agama Daerah Jasin dan Sijil Nikah No. 10144 Bilangan Daftar 94/84 dipulangkan dan dibatalkan
- 5) Pihak-pihak yang tidak berpuashati dengan keputusan ini bolehlah mngemukakan rayuan dalam tempoh 14 hari setelah keputusan dibicarakan.

Wallahu a`alam bis sawab

.....

Tandatangan Hakim

11.1.2011

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Alasan Penghakiman ini disediakan oleh Tuan Hakim Mohd Mirza Bin Abdul Rashid, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jasin Melaka

Sumpah Istizhar

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3X) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

وَاللَّهُ وَبِاللَّهِ الْعَظِيمِ وَتَاللَّهِ

4. WallahilAzim, wabillahi, watallahi, demi Allah aku XXXXXX no **Kp 62XXXX-05-XXXX** bersumpah dengan nama Allah bahawasanya suami aku telah meninggalkan aku dan anak tanpa sebarang nafkah zahir dan batin. Selama 21tahun iaitu semenjak tahun 1989 sehinggalah sekarang sedangkan aku tidak pernah nusyuz dan taat kepadanya. Segala keterangku dan saksi serta segala dokumen yang aku kemukakan didalam Mahkamah yang mulia ini adalah benar. Jika aku dusta akan sumpahku ini maka laknat **Allah** ke atas diriku dunia dan akhirat.

Tandatangan Plaintiff,

Hakim,

.....

Tarikh :11.1.2011

.....

Masa

DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH